

# Malaysia perlu juarai kempen desak Israel tamatkan perang

**Antara** gesaan disuarakan pemimpin berpengaruh negara Islam pada Sidang Kemuncak Tergempar Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) adalah menamatkan segera perang Palestin-Israel termasuk pelaksanaan gencatan senjata segera.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim turut menggesa semua anggota OIC menggunakan saluran dan rangkaian diplomatik masing-masing supaya keputusan konkrit dicapai untuk menamatkan perang bagi mengelak lebih ramai wanita dan kanak-kanak menjadi mangsa.

Umat Islam sedunia turut meletakkan harapan tinggi kepada OIC khasnya negara berpengaruh seperti Turkiye, Arab Saudi, Iran, Iraq dan Mesir untuk membuat satu keputusan tegas dan berani yang dapat menamatkan keganasan Israel di Palestin.

Ia susulan konflik terbaharu di Palestin, khasnya di Gaza kini mengorbankan lebih 10,000 nyawa orang awam akibat serangan tentera rejim Zionis Israel.

Walaupun begitu, berakhirnya sidang kemuncak tergempar itu, umat Islam melihat harapan itu seakan-akan menjadi layu. Tiada keputusan tegas, berani dan konkrit dicapai dalam sidang kemuncak itu.

Persidangan itu seperti sekadar menjadi tempat 'sembang' pemimpin negara besar OIC menyatakan pandangan, pendirian dan cadangan supaya Israel menamatkan serangan tanpa tindakan konkrit perlu dilakukan pertubuhan itu terhadap Israel.

Dalam hal ini, *BH* berpendirian negara OIC sepatutnya lebih tegas mendesak negara kuasa besar pertubuhan itu bangkit dan beri tekanan terhadap Israel, sekutu dan penyokongnya.

OIC perlu membuktikan ketegasannya menuntut Israel menghentikan serangan di Palestin umpamanya menggantung hubungan diplomatik seperti dilakukan beberapa negara bukan OIC di Amerika Selatan iaitu Bolivia dan Chile.

Namun jika melihat kepada sejarah, sebarang resolusi atau ketetapan dicapai dalam Sidang Kemuncak OIC sering diketepikan mentah-mentah negara kuasa besar. Ini kerana majoriti negara OIC turut mempunyai kepentingan secara langsung atau tidak langsung dengan kuasa besar khasnya Amerika Syarikat (AS).

Inilah cabaran utama terpaksa dihadapi OIC jika mahu membuat ketetapan atau desakan supaya Israel menamatkan keganasan terhadap orang awam di Palestin. 'Halangan' ini menjadi 'duri dalam daging' dalam OIC untuk membuat keputusan lebih berani dan lantang.

Justeru, negara OIC 'kecil' seperti Malaysia, Indonesia dan Brunei Darussalam bersama negara Islam Afrika mungkin boleh berpadu untuk menggerakkan kempen menyeru masyarakat dunia menekan Israel supaya menamatkan perang di Gaza.

Platform sesuai boleh digunakan untuk menghentikan perang Palestin-Israel adalah menggunakan badan bukan kerajaan (NGO) sedunia untuk bertindak sebagai pendesak menamatkan konflik di Gaza dan Malaysia perlu menjadi penyelaras bagi menggerakkan kempen bersepadu di seluruh dunia.

*BH* berpendirian, Malaysia wajar menjadi juara dalam memimpin gerakan NGO ini untuk menjadi kuasa pendesak baharu menuntut Israel menamatkan perang di Palestin.